

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn,
di-upachara merasmikan pembukaan Pameran Buku2 Teks
Di-Dewan Pejabat Pelajaran Selangor pada lhb. Oktober,
1971 pukul 4.00 petang

Saya berasa sungguh sukachita merasmikan pembukaan Pameran Buku2 Teks ini. Saya menguchapkan tahniah kepada Persatuan Penerbit Malaysia kerana berjaya menganjorkan Pameran Buku2 Teks yang di-tulis dalam Bahasa Malaysia dan di-terbitkan di-negara ini. Kita tidak selalu mendapat peluang seperti ini, di-mana kita dapat menyaksikan **bagitu banyak** buku2 yang di-terbitkan oleh penerbit2 tempatan pada masa dan tempat yang sama. Usaha tuan2 dan puan2 dalam perkara ini patut di-beri pujian yang tinggi. Saya di-beritahu bahawa baru pada bulan lepas, Persatuan Penerbit2 Malaysia telah menganjorkan satu kursus latihan bagi pengarang2 buku2 teks dan buku2 'am. Sukachita saya perhatikan bahawa penerbit2 di-negara ini juga bersama2 memberi perhatian dengan Kementerian Pelajaran untuk mengadakan buku2 yang lebeh baik dan lebeh banyak lagi dalam Bahasa Malaysia. Tambahan pula, pada bulan November tahun ini, bersama2 dengan UNESCO, Kementerian Pelajaran akan menganjorkan satu Seminar Antarabangsa berkenaan dengan peranchangan, pengeluaran dan pembahagian buku2 teks dan buku2 'am di-Asia.

Seminar2, persidangan2 dan pameran2 seperti itu, bukan sahaja menunjukkan bahawa negara ini mengakui dengan sepenoh-nya akan kepentingan buku, tetapi juga tidak ada ekonomi yang boleh berjalan dan tidak ada negara membangun boleh maju, tanpa menggunakan buku2 dengan sepenoh-nya. Bagi negara2 membangun seperti Malaysia, buku2 ada-lah merupakan alat yang paling penting sekali, melalui mana rakyat kita boleh mendapatkan pengetahuan dan kemahiran2 yang di-kehendaki untuk memperchepatkan proses pembangunan negara yang berkesan.

Pelajaran tidak akan dapat membuat sumbangan yang memuaskan terhadap objektib2 ekonomi kerajaan, jika peranan penting buku2 dalam pelajaran di-lupakan. Buku2 ada-lah sangat penting oleh kerana masalah pembangunan ekonomi ada-lah merupakan masalah pembangunan tenaga manusia dalam membangunkan kesanggupan2 yang perlu bagi perkembangan ekonomi. Buku2 selalu di-lupakan oleh kerana orang, nampak-nya, berfikir bahawa apa yang perlu di-lakukan oleh sa-saorang itu ia-lah membena bangunan2 penting yang di-kehendaki bagi pelajaran, dan tidak mengambil berat tentang apa jenis pelajaran, dan apa dia maksud pelajaran. Saya perchaya bahawa penerbitan buku, hendak-lah sama2 di-beri perhatian dengan pelajaran dan pembangunan ekonomi, oleh kerana kedua2-nya ini, ada-lah sa-bahagian daripada peredaran untuk memperchepatkan kadar pembangunan negara keselurohan-nya. Ini-lah sebab-nya mengapa sebarang 'investment' dalam perkembangan buku2, tidak boleh di-anggap sa-bagai pembaziran sahaja. Ia-nya ada-lah merupakan satu 'investment' jangka panjang bagi kemajuan negara.

Sa-tahun dulu, timbul juga beberapa keraguan bahawa buku2 mungkin tidak menchukupi untuk menyokong penggunaan Bahasa Malaysia sa-bagai bahasa pengantar di-sekolah2 kita. Pameran pada hari ini, ada-lah bukti yang chukup bahawa kita mempunyai buku2 teks untuk hampir2 tiap2 mata pelajaran dalam bidang-pelajaran kita, dan tidak lama lagi sudah tentu kita dapat mengadakan buku2 yang menchukupi bagi semua mata-pelajaran yang di-ajar di-sekolah2 kita. Dalam hal ini, saya ingin menguchapkan tahniah kepada semua penerbit2 kita kerana menyambut chabaran untuk mengeluarkan dalam masa yang sengkat buku2 yang sangat di-kehendaki dengan segera di-sekolah2 kita. Saya yakin dengan ada-nya keazaman dan sokongan tuan2 semua, Kementerian Pelajaran akan dapat menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di-semua peringkat dalam semua sekolah2 kita.

Akan tetapi, dalam perkara ini, saya ingin menegaskan kepada tuan2 semua bahawa ada dua soal penting yang mesti kita fikirkan betul2:

1. Mutu buku2 yang di-terbitkan.
2. Harga buku2.

Buku teks maseh merupakan alat utama dalam bidang menganjar dan belajar. Saya perchaya tuan2 semua tentu bersetuju dengan saya dalam perkara ini. Saya juga sedar bahawa, untuk menerbitkan sa-buah buku teks yang tepat, sesuai dengan prinsip2 pelajaran, menarek dan mudah di-fahami oleh penuntut2, bukan-lah satu kerja yang senang, dan tidak dapat di-sempurnakan dalam masa yang sengkat. Tetapi ada-lah menjadi tanggung-jawab utama tuan2 untuk menentukan mutu sa-sabuah buku teks itu. Kita mesti-lah menerima kenyataan bahawa buku2 yang rendah mutu-nya, yang di-terbitkan oleh penerbit2 sechara kilat sahaja (atau 'fly-by-night publishers'), tidak ada tempat dalam sistem sekolah kita dan mesti-lah di-hapuskan.

Saya juga sedar bahawa harga buku2 teks semakin naik dan kesan2-nya ka-atas ramai ibu2 bapa yang miskin. Kenaikan harga buku ini telah menimbulkan banyak juga keritik2 dan rungutan2 daripada orang ramai, dan ini sudah tentu-lah menyusahkan lagi pemasaran buku2 bagi tuan2. Saya harap, sa-bagai penerbit2 yang bertanggungjawab, tuan2 akan menimbangakan masaalah kenaikan harga ini dengan berhati2 dan menchari penyelesaian2 yang berkesan. Pada ketika Kementerian Pelajaran sedang berusaha untuk memberikan pelajaran kepada sa-bahagian besar penduduk kita, kawalan harga buku2 teks pada kadar2 yang berpatutan akan membantu Kementerian ini dalam menchapai objektib2-nya.

Orang ramai selalu menghadapi kekurangan wang dan terpaksa membuat pilehan di-antara sa-buah buku yang baik dan sa-helai baju yang baik. Malahan di-kalangan orang2 kita yang lebeh terpelajar pun, peruntukan mereka tidak bagitu menchukupi untuk membeli buku. Kebiasaan membacha tidak berkembang dengan sepenoh-nya kerana sebab2 ekonomi. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa, asas ekonomi perusahaan buku kita mesti-lah menjalani satu perubahan sechara keselurohan sa-belum kita mengharapkan pembacha2 kita membeli buku. Ini boleh di-atasi dengan menerbitkan banyak buku2 berkulit nipis (atau 'paperback') yang mengurangkan belanja bagi pembacha2 biasa. Saya sedar bahawa penerbitan sa-umpama ini mengharapkan pembacha yang ramai, dan ini hanya boleh di-chapai dengan memperkembangkan kebiasaan membacha. Pada masa ini, Kerajaan sedang berusaha untuk menggalakkan orang2 membacha dengan menambah pendapatan mereka, terutama sekali di-kalangan pekerja2. Sementara itu, penerbit2 dan perpustakaan2 mesti-lah mengambil langkah yang lebeh positif untuk mempopularkan bachean dengan meranchangkan penerbitan2 mereka untuk memenohi keperluan2 pembacha dan melancharkan lebeh

banyak lagi kempen2 moden untok memenohi permintaan buku2 yang lebih banyak lagi.

Akhir sekali, saya suka mengingatkan semua Guru2 Besar dan Guru2 di-sekolah2 kita. Kebiasaan membacha yang kekal mesti-lah di-bentok ketika kechil. Tiap2 sekolah mesti-lah memberikan kemudahan2 membacha kapada kanak2 ketika mereka maseh kechil lagi. Apabila kebiasaan membacha sudah terbentok di-sekolah, kebiasaan ini akan kekal di-sepanjang hidup mereka. Kemajuan buku2 dan majallah2 bagi kanak2 hendak-lah di-beri perhatian khas dalam sekolah2 kita, lebeh2 lagi orang2 muda pada masa ini merupakan sa-bahagian besar dari bilangan pembacha. Di-sini maksud saya ia-lah, bachaan yang di-lakukan bukan sa-bagai sa-bahagian daripada keperluan2 peperiksaan, tetapi chuna sa-bagai satu hobi dalam masa lapang. Saya sedar bahawa peperiksaan2 memerlukan penumpuan masa yang banyak sekali terhadap buku2 teks, tetapi bachaan hendak-lah berkembang sa-bagai satu kegiatan otomatik, di-luar dan tanpa kaitan dengan bilek darjah, jika tidak, bachaan tidak akan dapat menolong dalam perkembangan kecherdasan pelajar dan sahsiah mereka keselurohan-nya. Ia-nya ada-lah satu tanggungjawab yang berkehendakkan kerjasama yang rapat dari semua pihak yang berkenaan - ibu2 bapa, guru2, kerajaan, pendidek2, pegawai2 perpustakaan, penerbit2 dan penjual2 buku - dan saya perchaya kewajipan kita terhadap pelajaran akan mengatasi semua perkara2 yang lain.





No. Siri	75
No Penerimaan	75/80